



Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang AM

DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG AM PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA

- 1.0 LATAR BELAKANG**
- 2.0 PROGRAM PANDU PUTERI**
- 3.0 KEPEMIMPINAN**
- 4.0 KEJURULATIHAN**
- 5.0 PESURUHJAYA**
- 6.0 WARAN**
- 7.0 KUASA MELANTIK AHLI BAHARU DAN KUASA MENGUJI**
- 8.0 PENUBUHAN, PENDAFTARAN DAN KEPIMPINAN PASUKAN**
- 9.0 KEAGAMAAN**
- 10.0 KEWANGAN**
- 11.0 PERHUBUNGAN**
- 12.0 PRINSIP ASAS PANDU PUTERI**

1.0 LATAR BELAKANG

Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang merupakan satu ketetapan yang digubal untuk dipatuhi bagi menentukan kelicinan pentadbiran dan pengurusan Persatuan Pandu Puteri Malaysia

1.1 TUJUAN

Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai tujuan mendidik, melatih dan mengembangkan potensi semua ahli Persatuan ini supaya menjadi warganegara yang peka, berwibawa, berketerampilan dan berdisiplin. Harapan Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah untuk menghasilkan insan yang taat dan setia, berguna, cekap dan amanah, bertimbang rasa, mempunyai inisiatif, berdaya kreatif, dan selalu sedia memberi khidmat untuk membantu orang lain.

Untuk mencapai tujuan tersebut, pendidikan dan latihan melalui Program Pandu Puteri mengutamakan Sistem Kumpulan (*Patrol System*) yang menjadi ciri utama dalam Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia.

1.2 VISI

Menerajui Perkembangan Potensi Gadis Dan Wanita Untuk Membawa Perubahan

Taking The Lead In Developing The Potential Of Girls And Women For Change

1.3 MISI

Persatuan Pandu Puteri Malaysia Mempunyai Komitmen Melahirkan Golongan Wanita, Remaja Dan Dewasa Yang Berkaliber Melalui Penerapan Ilmu, Kemahiran Dan Nilai Pandu Puteri Demi Kepentingan Nusa, Bangsa Dan Antarabangsa

Girl Guides Association Malaysia Is Committed To Develop Girls And Women Of Calibre Through Internationalization Of Girl Guiding Knowledge, Skills And Values To Benefit The Society And Country

1.4 PERSETIAAN PANDU PUTERI

Program Pandu Puteri Persatuan Pandu Puteri Malaysia berdasarkan Persetiaan dan Undang-Undang Pandu Puteri.

Bahawa Dengan Sesungguhnya, Saya Berjanji Dan Bersetia Dengan Sedaya Upaya, Menunaikan Kewajipan Saya Kepada Tuhan, Raja Dan Negara Saya, Malaysia, Menolong Orang Setiap Masa, Dan Mematuhi Undang-Undang Pandu Puteri.

1.5 UNDANG-UNDANG PANDU PUTERI

Seorang Pandu Puteri

1. Boleh Dipercayai
2. Sentiasa Taat Dan Setia
3. Suka Menolong Orang Lain
4. Bersahabat Dengan Semua Orang Dan Bersaudara Dengan Ahli Pandu Puteri Yang Lain
5. Sentiasa Bersopan Santun
6. Melindungi Haiwan Dan Memelihara Alam Sekitar
7. Sentiasa Menurut Perintah
8. Bersemangat Dan Bergembira Walaupun Dalam Kesulitan
9. Sentiasa Berjimat Cermat
10. Suci Dalam Fikiran, Perkataan Dan Perbuatan

2.0 PROGRAM PANDU PUTERI

Program Pandu Puteri adalah program pendidikan bukan formal untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa wanita di bandar dan di luar bandar. Oleh itu, hampir semua kegiatan Pandu Puteri bertapak di institusi pendidikan seperti sekolah, institusi pendidikan guru, institusi pendidikan tinggi atau tempat kerja. Untuk memenuhi keperluan yang pelbagai, program Pandu Puteri Persatuan Pandu Puteri Malaysia meliputi :

- 2.1 Kelip-Kelip
- 2.2 Pandu Puteri Tunas
- 2.3 Pandu Puteri Remaja
- 2.4 Pandu Puteri Renjer
- 2.5 Pandu Puteri Kadet
- 2.6 Pandu Puteri Siswi
- 2.7 Pandu Puteri Dewasa
- 2.8 Pemimpin
- 2.9 Guild Trefoil
- 2.10 Guild Pandu Puteri Raja
- 2.11 Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya
- 2.12 Ahli Sukarela Pandu Puteri

3.0 KEPEMIMPINAN

Persatuan Pandu Puteri Malaysia menyediakan barisan pemimpin untuk mendidik dan memimpin ahli wanita dan dewasa. Barisan pemimpin dikategorikan mengikut peningkatan seperti yang berikut ;

3.1 Pemimpin Tidak Berwaran

- 3.1.1 Seorang pemimpin tidak berwaran perlu mengikuti kursus Prawaran dan melafazkan atau membaharui Persetiaan Pandu Puteri
- 3.1.2 Pemimpin boleh memakai lencana pelantikan pelantikan pemimpin.
- 3.1.3 Pemimpin yang telah menguruskan pasukan sekurang-kurangnya tiga bulan dan diselia oleh pemimpin berwaran atau Pesuruhjaya Daerah akan dilantik sebagai pemimpin berwaran.

3.2 Pemimpin Berwaran

3.2.1 Pemimpin berwaran boleh menguji Pandu Puteri Tunas sehingga Calit Emas serta Pandu Puteri Remaja atau Pandu Puteri Renjer sehingga Kelas Dua.

3.2.2 Pemimpin berwaran digalakkan mengikuti kursus lanjutan supaya boleh menguji Pandu Puteri Tunas sehingga Anugerah Tunas Harapan Ketua Pesuruhjaya serta Pandu Puteri Remaja atau Pandu Puteri Renjer Kelas Satu sehingga ke peringkat Pandu Puteri Raja.

3.2.3 Pemimpin berwaran seterusnya boleh melayakkan diri dan memperoleh Mutiara I, Mutiara II, Mutiara III dan Mutiara IV.

4 KEJURULATIHAN

Persatuan Pandu Puteri Malaysia menyediakan pemimpin yang berpengalaman untuk melatih dan menguji ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Barisan jurulatih dikategorikan mengikut peningkatan seperti yang berikut:

4.1 Penolong Jurulatih Khas

Penolong Jurulatih Khas adalah pemimpin Pandu Puteri dalam kalangan guru-guru terlatih yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu dan aktif sebagai panel penguji program Pandu Puteri.

4.2 Penolong Jurulatih

Penolong jurulatih adalah pemimpin Pandu Puteri yang aktif mengendalikan kursus-kursus atau/dan pengujian tetapi tiada kelayakan ujian Pemimpin.

4.3 Bakal Jurulatih

Pemimpin yang telah lulus ujian Lesen Perkhemahan.

4.4 Jurulatih Khas

Pemimpin dalam kalangan Pandu Puteri Raja yang melibatkan diri secara aktif dalam Persatuan Pandu Puteri Malaysia sama ada di peringkat daerah, cawangan ataupun kebangsaan di samping mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu seperti perundangan, komunikasi, teknologi maklumat, perakaunan dan perubatan.

4.5 Jurulatih Bertauliah

Pemimpin yang mempunyai sijil jurulatih Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

4.6 Jurulatih Berdiploma

Jurulatih bertauliah yang memenuhi syarat-syarat Jurulatih Berdiploma Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

5 PESURUHJAYA

Pesuruhjaya ialah pemimpin berwaran yang mentadbir, mengurus dan mengelolakan aktiviti Persatuan Pandu Puteri Malaysia, di peringkat kebangsaan, cawangan dan daerah/Institut Pendidikan Guru/Institut Pendidikan Tinggi.

Barisan pesuruhjaya dikategorikan seperti yang berikut:

- 5.1 Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia
- 5.2 Timbalan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia
- 5.3 Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Kebangsaan
- 5.4 Ketua Pesuruhjaya Cawangan
- 5.5 Timbalan Ketua Pesuruhjaya Cawangan
- 5.6 Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Cawangan
- 5.7 Pesuruhjaya Daerah /Pesuruhjaya Institut Pendidikan Guru (kampus tertentu) /
Pesuruhjaya Institut Pendidikan Tinggi (institut tertentu)
- 5.8 Penolong Pesuruhjaya Daerah
- 5.9. Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Daerah

6 WARAN

- 6.1 Waran adalah tauliah sesuatu jawatan dalam Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 6.2 Waran yang dikeluarkan untuk sesuatu jawatan khusus tidak boleh ditukar kepada jawatan lain. Waran adalah milik Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Persatuan Pandu Puteri Malaysia berhak mengeluarkan dan menarik balik atau membatalkan waran tanpa memberi alasan.
- 6.3 Pelantikan kepada jawatan Pandu Puteri peringkat kebangsaan, cawangan dan daerah perlu disahkan dengan waran. Senarai waran bagi jawatan-jawatan berkenaan adalah seperti yang berikut:

Bil	JAWATAN	PERINGKAT			
		Kebangsaan	Cawangan	Daerah/ Kampus / Institut	Pasukan
1	Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia	/			
2	Timbalan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia	/			
3	Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Kebangsaan	/			
4	Ketua Pesuruhjaya Cawangan		/		
5	Timbalan Ketua Pesuruhjaya Cawangan		/		
6	Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Cawangan		/		

Bil	JAWATAN	PERINGKAT			
		Kebangsaan	Cawangan	Daerah/ Kampus /Institut	Pasukan
7	Pesuruhjaya Daerah/ Pesuruhjaya Institut Pendidikan Guru (kampus tertentu)/ Pesuruhjaya Institut Pendidikan Tinggi (institut tertentu)			/	
8	Penolong Pesuruhjaya Daerah			/	
9	Pesuruhjaya Bahagian dan Perkembangan Daerah			/	
10	Pemimpin <ul style="list-style-type: none"> • Kapten dan Leftenan • Kakak Setia dan Siti Setia 				/ /
11	Setiausaha Kehormat Dan Penolong Setiausaha Kehormat	/	/	/	/
		/	/	/	/
12	Bendahari Kehormat Dan Penolong Bendahari Kehormat	/	/	/	/
		/	/	/	/

6.4 Waran pemimpin diberi kepada seseorang pemimpin yang telah:

6.4.1 mengikuti kursus prawaran dengan jayanya.

6.4.2 menjalankan tugas sebagai pemimpin serta mengurus dan mengendalikan pasukannya sekurang-kurangnya selama tiga bulan.

6.4.3 memohon untuk diselia oleh Pesuruhjaya Daerah/ Pesuruhjaya Institut Pendidikan Guru (kampus tertentu) / Pesuruhjaya Institut Pendidikan Tinggi (institut tertentu) /jurulatih bertauliah.

6.5 Pemimpin berwaran yang bertukar atau ditukarkan ke tempat lain tidak perlu mengembalikan warannya, tetapi perlu memohon untuk mendapatkan waran baharu bagi pasukan baharu daripada Pesuruhjaya Daerah / Pesuruhjaya Institut Pendidikan Guru (kampus tertentu)/ Pesuruhjaya Institut Pendidikan Tinggi (institut tertentu).

6.6 Waran terbuka diberikan kepada seorang pemimpin berpengalaman yang boleh membantu memimpin Pasukan Kelip-Kelip/Pasukan Pandu Puteri Tunas/Pasukan Pandu Puteri Remaja/Pasukan Pandu Puteri Renjer/ Pasukan Pandu Puteri Kadet/Pasukan Pandu Puteri Siswi/Pasukan Pandu Puteri Dewasa di dalam daerahnya, bagi tempoh tertentu.

- 6.7 Waran Pesuruhjaya yang mempunyai had tempoh pelantikan tidak perlu dikembalikan kepada ibu pejabat kebangsaan.
- 6.8 Waran baharu akan dikeluarkan bagi setiap pelantikan setelah Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia berpuas hati bahawa semua syarat pelantikan telah dipenuhi.

7 KUASA MELANTIK AHLI BAHARU DAN KUASA MENGUJI

- 7.1 Seorang pesuruhjaya atau pemimpin berwaran boleh melantik ahli baharu dalam pasukannya sendiri dan ahli dalam pasukan lain
- 7.2 Seorang jurulatih, pesuruhjaya atau pemimpin berwaran yang berpengalaman boleh dilantik sebagai penguji untuk menguji Pandu Puteri Tunas, Pandu Puteri Remaja, Pandu Puteri Renjer sehingga ke peringkat anugerah Tunas Harapan Ketua Pesuruhjaya dan Pandu Puteri Raja.
- 7.3 Pesuruhjaya boleh melantik pakar atau orang bertauliah dalam bidang tertentu untuk menjadi penguji bagi bidang berkenaan, umpamanya Pertolongan Cemas.

8.0 PENUBUHAN, PENDAFTARAN DAN PENTADBIRAN

8.1 PENUBUHAN

- 8.1.1 Pasukan Kelip-Kelip, Pasukan Pandu Puteri Tunas, Pandu Puteri Remaja, Pandu Puteri Renjer untuk kanak-kanak dan remaja wanita boleh ditubuhkan di mana-mana sahaja, umpamanya di ibu pejabat Pandu Puteri cawangan, kawasan perumahan, tempat kerja, di tadika, prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah serta di kolej matrikulasi
- 8.1.2 Pasukan Pandu Puteri Kadet ditubuhkan di Institusi Pendidikan Guru
- 8.1.3 Pasukan Pandu Puteri Dewasa/ Pandu Puteri Siswi boleh ditubuhkan di ibu pejabat Pandu Puteri cawangan dan di Institusi Pendidikan Tinggi
- 8.1.4 Guild Pandu Puteri Raja, Guild Trefoil untuk wanita dewasa dan Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya, serta Kumpulan Ahli Sukarela Pandu Puteri boleh ditubuhkan di ibu pejabat Pandu Puteri cawangan, tempat kerja dan di kawasan perumahan.
- 8.1.5 Pihak yang ingin menubuhkan Pasukan Pandu Puteri Kelip-Kelip/ Puteri Tunas/Pandu Puteri Remaja/Pandu Puteri Renjer/Pandu Puteri Kadet/Pandu Puteri Dewasa/Pandu Puteri Siswi atau Guild boleh menghubungi

Persatuan Pandu Puteri Malaysia
Wisma Pandu Puteri
Jalan Pantai Baharu
59700 Kuala Lumpur

Atau

Persatuan Pandu Puteri Malaysia cawangan masing-masing

22 Julai 2017

Atau

Muat turun daripada laman sesawang Persatuan Pandu Puteri Malaysia (www.panduputeri.org.my)

8.2 PENDAFTARAN PASUKAN

8.2.1 Pasukan Pandu Puteri Kelip-Kelip, Pasukan Pandu Puteri Tunas, Pasukan Pandu Puteri Remaja, Pasukan Pandu Puteri Renjer, Pasukan Pandu Puteri Kadet, Pasukan Pandu Puteri Siswi, Pasukan Pandu Puteri Dewasa, Guild Pandu Puteri Raja, Guild Trefoil, Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya serta Kumpulan Ahli Sukarela Pandu Puteri hendaklah disahkan serta didaftarkan secepat mungkin.

8.2.2 Borang pendaftaran boleh didapati daripada ibu pejabat kebangsaan atau ibu pejabat cawangan ataupun dari laman sesawang Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.2.3 Borang pendaftaran hendaklah dilengkapkan dan dihantar ke ibu pejabat kebangsaan bersama-sama dengan yuran pendaftarannya melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan. Borang pendaftaran dari Institut Pendidikan Guru (kampus tertentu) hendaklah dilengkapkan dan dihantar ke ibu pejabat kebangsaan bersama-sama dengan yuran pendaftarannya melalui Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

Borang pendaftaran Pandu Puteri Dewasa/Pandu Puteri Siswi hendaklah dilengkapkan dan dihantar ke ibu pejabat kebangsaan bersama-sama dengan yuran pendaftarannya melalui Pesuruhjaya Pandu Puteri Dewasa Kebangsaan.

8.2.4 Yuran pendaftaran pasukan dibayar hanya sekali.

8.2.5 Ibu pejabat kebangsaan merekod pendaftaran dan mengeluarkan Sijil Pendaftaran Pasukan.

8.2.6 Pasukan perlu mengemaskinikan dan membaharui pendaftaran tahunan ahli-ahlinya dengan ibu pejabat kebangsaan melalui eDaftar.

8.2.7 Pembaharuan pendaftaran tahunan berserta bayaran yuran ahli perlu dihantar ke ibu pejabat kebangsaan tidak lewat daripada **30 Mac** setiap tahun melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan .

8.2.8 Sijil pendaftaran adalah hak milik pasukan. Jika sijil hilang, bayaran dikenakan untuk sijil ganti.

Catatan:

Pesuruhjaya Daerah mesti melaporkan kepada Ketua Pesuruhjaya Cawangan mengenai pasukan yang tidak aktif atau terpaksa ditutup atas sebab-sebab tertentu.

Ketua Pesuruhjaya Cawangan memaklumkan kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia untuk tindakan ibu pejabat kebangsaan.

8.3 KEPIMPINAN PASUKAN

Pasukan untuk kanak-kanak dan wanita remaja biasanya bertapak di sekolah atau institusi pendidikan. Ia dipimpin oleh wanita dewasa yang telah menerima latihan mentadbir dan mengurus pasukan.

8.3.1 Setiap pasukan dan guild dipimpin oleh ahli wanita dewasa yang dikenali sebagai:

PASUKAN/GUILD	PEMIMPIN	GELARAN PEMIMPIN
Pasukan Kelip-Kelip	Ketua Penolong	Kakak Setia Siti Setia
Pasukan Pandu Puteri Tunas	Ketua Penolong	Kakak Setia Siti Setia
Pasukan Pandu Puteri Remaja	Ketua Penolong	Kapten Leftenan
Pasukan Pandu Puteri Renjer	Ketua Penolong	Kapten Leftenan
Pasukan Pandu Puteri Kadet / Siswi / Dewasa	Ketua Penolong	Kapten Leftenan
Guild	Ketua Penolong	Pengerusi Naib Pengerusi

8.3.2 Bilangan ahli untuk penubuhan sesuatu pasukan dan guild adalah seperti yang berikut:

	Bilangan Ahli	
	Minimum	Maksimum
Pasukan Kelip-Kelip	08	24
Pasukan Pandu Puteri Tunas	12 orang	36 orang
Pasukan Pandu Puteri Remaja	16 orang	60 orang
Pasukan Pandu Puteri Renjer	08 orang	60 orang
Pasukan Pandu Puteri Kadet	12 orang	36 orang
Pasukan Pandu Puteri Siswi	12 orang	36 orang
Pasukan Pandu Puteri Dewasa	12 orang	36 orang
Guild	08 orang	50 orang

8.3.3 Sekiranya terdapat kurang daripada bilangan minimum, kebenaran khas boleh diperolehi daripada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.3.4 Pasukan dipimpin oleh seorang pemimpin berwaran atau seorang jurulatih.

8.4 PASUKAN PANDU PUTERI KADET

- 8.4.1 Program Pandu Puteri Kadet bertujuan menghasilkan pemimpin muda yang memahami dan menguasai kemahiran asas Pandu Puteri serta konsep dan peranan kepemimpinan dalam Pandu Puteri.
- 8.4.2 Ahli-ahli Pasukan Pandu Puteri Kadet terdiri daripada pelajar-pelajar guru di Institut Pendidikan Guru.
- 8.4.3 Bilangan ahli Pasukan Pandu Puteri Kadet adalah antara 12 orang (minima) hingga ke 36 orang (maxima).
- 8.4.4 Sekiranya terdapat kurang daripada 12 orang ahli, kebenaran khas boleh diperolehi daripada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 8.4.5 Pasukan Pandu Puteri Kadet dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada:
- * Ketua Pasukan
 - * Setiausaha
 - * Bendahari
 - * Pengerusi-pengerusi jawatankuasa kecil
- 8.4.6 Pasukan Pandu Puteri Kadet boleh dipimpin oleh seorang pemimpin berwaran atau seorang jurulatih.
- 8.4.7 Borang pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Kadet yang telah dilengkapkan berserta yuran pendaftarannya hendaklah dihantar kepada Ketua Pesuruhjaya Cawangan Institut Pendidikan Guru untuk pengesahan.
- 8.4.8 Ketua Pesuruhjaya Cawangan Institut Pendidikan Guru seterusnya menghantar borang pendaftaran yang telah dilengkapkan serta yuran pendaftaran kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 8.4.9 Ibu pejabat kebangsaan akan merekodkan pendaftaran dan mengeluarkan sijil pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Kadet.

8.5 PASUKAN PANDU PUTERI SISWI

- 8.5.1 Program Pasukan Pandu Puteri Siswi menyediakan wanita dewasa memimpin dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin muda dalam Pandu Puteri, khususnya dalam Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 8.5.2 Ahli-ahli Pasukan Pandu Puteri Siswi terdiri daripada pelajar-pelajar wanita di Institut Pendidikan Tinggi (university atau kolej awam/swasta).
- 8.5.3 Bilangan ahli Pasukan Pandu Puteri Siswi adalah antara 12 orang (minima) dan 36 orang (maxima).
- 8.5.4 Sekiranya terdapat kurang daripada 12 orang ahli, kebenaran khas boleh diperolehi daripada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.5.5 Pasukan Pandu Puteri Siswi dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada:

- * Ketua Pasukan
- * Setiausaha
- * Bendahari
- * Pengerusi-pengerusi jawatankuasa kecil

8.5.6 Pasukan Pandu Puteri Siswi boleh dipimpin oleh seorang pemimpin berwaran atau seorang jurulatih.

8.5.7 Borang pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Siswi yang telah dilengkapkan berserta yuran pendaftarannya hendaklah dihantar kepada Pesuruhjaya Dewasa Kebangsaan untuk pengesahan.

8.5.8 Pesuruhjaya Dewasa Kebangsaan seterusnya menghantar borang pendaftaran yang telah dilengkapkan serta yuran pendaftaran kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.5.9 Ibu pejabat kebangsaan akan merekodkan pendaftaran dan mengeluarkan sijil pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Siswi.

8.6 PASUKAN PANDU PUTERI DEWASA

8.6.1 Program Pasukan Pandu Puteri Siswi menyediakan wanita dewasa memimpin dan melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli dalam Pandu Puteri, khususnya dalam Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.6.2 Pasukan Pandu Puteri Dewasa boleh ditubuhkan di tempat kerja dan kawasan perumahan.

8.6.3 Pasukan Pandu Puteri Dewasa terbuka kepada semua wanita dewasa yang berminat untuk menceburi diri dalam aktiviti Pandu Puteri atau meneruskan penglibatan selepas meninggalkan alam persekolahan di sekolah atau di institusi pengajian tinggi.

8.6.4 Bilangan ahli Pasukan Pandu Puteri Dewasa adalah antara 12 orang (minima) dan 36 orang (maxima).

8.6.5 Sekiranya terdapat kurang daripada 12 orang ahli, kebenaran khas boleh diperolehi daripada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

8.6.6 Pasukan Pandu Puteri Dewasa dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada:

- * Ketua Pasukan
- * Setiausaha
- * Bendahari
- * Pengerusi-pengerusi jawatankuasa kecil

8.6.7 Pasukan Pandu Puteri Dewasa boleh dipimpin oleh seorang pemimpin berwaran atau seorang jurulatih.

- 8.6.8 Borang pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Dewasa yang telah dilengkapi berserta yuran pendaftarannya hendaklah dihantar kepada Pesuruhjaya Dewasa Kebangsaan untuk pengesahan.
- 8.6.9 Pesuruhjaya Dewasa Kebangsaan seterusnya menghantar borang pendaftaran yang telah dilengkapi serta yuran pendaftaran kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 8.6.10 Ibu pejabat kebangsaan akan merekodkan pendaftaran dan mengeluarkan sijil pendaftaran Pasukan Pandu Puteri Dewasa.

8.7 GUILD

- 8.7.1 Guild Tregoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya dianggotai oleh sekumpulan bekas ahli Pandu Puteri yang ingin terus terlibat secara langsung dalam kegiatan Pandu puteri, memberi khidmat dan sokongan, mendapatkan tajaan dan derma untuk Persatuan Pandu Puteri Malaysia di peringkat kebangsaan, cawangan dan daerah.
- 8.7.2 Bilangan ahli kumpulan Guild Trefoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya adalah antara 08 orang (minima) dan 50 orang (maxima).
- 8.7.3 Sekiranya terdapat kurang daripada lapan orang ahli, kebenaran khas boleh diperolehi daripada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 8.7.4 kumpulan Guild Trefoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada:
- * Ketua Pasukan
 - * Setiausaha
 - * Bendahari
 - * Pengerusi-pengerusi jawatankuasa kecil
- 8.7.5 Pihak yang ingin menubuhkan kumpulan Guild Trefoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya boleh menghubungi:
- Ketua Pesuruhjaya
Persatuan Pandu Puteri Malaysia
Wisma Pandu Puteri
Jalan Pantai Baharu
59700 Kuala Lumpur
- 8.7.6 Borang pendaftaran kumpulan Guild Trefoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya yang telah dilengkapi berserta yuran pendaftarannya hendaklah dihantar kepada Pesuruhjaya Guild Kebangsaan untuk pengesahan.
- 8.7.7 Pesuruhjaya Guild Kebangsaan seterusnya menghantar borang pendaftaran yang telah dilengkapi serta yuran pendaftaran kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

- 8.7.8 Ibu pejabat kebangsaan akan merekodkan pendaftaran dan mengeluarkan sijil pendaftaran kumpulan Guild Trefoil/Guild Pandu Puteri Raja/Guild Mantan Ketua Pesuruhjaya.

9.0 KEAGAMAAN

Persatuan Pandu Puteri Malaysia terbuka kepada mereka yang menganuti satu agama atau kepercayaan dan mengamalkan ajaran atau kepercayaan tersebut.

10.0 KEWANGAN

10.1 Objektif bahagian kewangan Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah seperti berikut:

- menyimpan maklumat yang betul dan tepat tentang kedudukan kewangan persatuan.
- membekalkan maklumat yang tepat dan benar kepada pihak pengurusan mengikut masa-masa yang ditetapkan.
- memastikan semua data dan statistik yang dikehendaki oleh undangundang (*statutory requirements*) disimpan dengan baik.
- memastikan semua garis panduan peraturan yang berkaitan dengan Piawai Perakaunan Antarabangsa dipatuhi.

10.2 Mengamalkan nasihat Lord Baden Powell " *Do not beg for money*".

10.3 Perbelanjaan pengurusan Persatuan Pandu Puteri Malaysia dibiayai oleh sebahagian daripada kutipan yuran ahli-ahli, hasil jualan pusat peralatan persatuan, usaha-usaha mengisi tabung persatuan, sumbangan derma yang diterima serta punca kewangan lain yang telah dipersetujui.

10.4 Ahli-ahli persatuan tidak boleh memungut derma dengan cara menjual barangan di tepi-tepi jalan sama ada untuk persatuan atau untuk badan-badan lain.

10.5 Ahli-ahli persatuan dilarang mengutip derma melalui cara-cara yang bertentangan dengan undang-undang negara seperti perjudian.

10.6 Pungutan derma untuk persatuan perlu melalui cara-cara tertentu yang telah dipersetujui oleh Pesuruhjaya Daerah atau Ketua Pesuruhjaya Cawangan. Pesuruhjaya Daerah atau Ketua Pesuruhjaya Cawangan mesti mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa termasuk pihak polis tempatan untuk memungut derma.

10.7 Ketua Pesuruhjaya Cawangan boleh memohon bantuan kewangan seperti subsidi untuk pentadbiran, tanah dan bangunan, pembelian peralatan atau tajaan untuk latihan daripada pihak-pihak tertentu. Salinan permohonan berkenaan perlu disampaikan kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

10.8 Ahli-ahli persatuan boleh menolong memungut derma untuk persatuan atau badan-badan kebajikan yang memerlukan bantuan, melalui cara-cara yang telah dipersetujui oleh persatuan. Ahli yang berkenaan perlu buat persiapan awal dan

maklumkan kepada Pesuruhjaya Daerah terlebih dahulu dan seterusnya kepada Ketua Pesuruhjaya Cawangan. Pesuruhjaya Daerah mesti mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkuasa termasuk daripada pihak polis tempatan. Ini adalah untuk membolehkan kumpulannya menjalankan kerja amal tersebut dengan baik dan sempurna.

- 10.9 Setiap pasukan atau guild menguruskan hal kewangan masing-masing.
- 10.10 Setiap pasukan atau guild perlu membuat kutipan yuran daripada ahli- ahlinya.
- 10.11 Pemimpin perlu menyimpan akaun kewangan. Akaun tersebut boleh diperiksa oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
- 10.12 Penyata akaun tahunan daerah yang telah diaudit mesti dihantar ke cawangan masing-masing satu bulan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
- 10.13 Penyata akaun tahunan cawangan mesti dihantar ke ibu pejabat kebangsaan selewat-lewatnya pada 30 Mac setiap tahun.

11.0 PERHUBUNGAN

- 11.1 Segala perhubungan rasmi mengenai Pandu Puteri dengan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia di ibu pejabat kebangsaan mestilah melalui saluran tertentu, iaitu melalui pemimpin, Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan
- 11.2 Segala surat menyurat tentang Pandu Puteri yang ditujukan kepada orang kenamaan di peringkat kebangsaan, kementerian, kedutaan di dalam dan di luar negeri/negara, serta persatuan Pandu Puteri peringkat antarabangsa perlu disalurkan melalui Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
- 11.3 Segala perhubungan rasmi melalui emel dan faks dalam negeri dan di luar negara perlu disahkan dengan naskah surat asal. Salinan emel perlu dihantar kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

12.0 PRINSIP ASAS PANDU PUTERI

- 12.1 Prinsip asas Pandu Puteri adalah berteraskan Persetiaan dan Undang- Undang Pandu Puteri.
- 12.2 Persetiaan dan Undang-Undang Pandu Puteri membentuk sistem nilai moral bagi setiap individu yang menjadi ahli pergerakan Pandu Puteri.
- 12.3 Sistem nilai tersebut menjadi panduan hidup ahli pergerakan Pandu Puteri.
- 12.3 Seseorang yang telah melafazkan Persetiaan Pandu Puteri di hadapan seorang pemimpin berwaran hendaklah memakai lencana pelantikan dan lencana dunia.

- 12.4 Seseorang anak gadis, wanita remaja dan wanita dewasa dengan sukarela menyertai Persatuan Pandu Puteri Malaysia sebagai seorang ahli.
- 12.5 Seseorang ahli yang telah melafazkan Persetiaan Pandu Puteri tergerak memberi penglibatan yang penuh dan padu kepada pergerakan Pandu Puteri dan sentiasa mengamalkan semangat Pandu Puteri.
- 12.6 Sejak tahun 1993, Persatuan Pandu Puteri Malaysia mengenakan yuran keahlian seperti yang berikut :
- | | |
|-------------------|--|
| Ahli muda | RM 2.00 setahun |
| Ahli dewasa | RM 5.00 setahun |
| Ahli seumur hidup | RM250.00 seorang (bayar sekali sahaja) |
- 12.7 Kadar bayaran yuran yang dibayar kepada ibu pejabat kebangsaan dipertimbangkan oleh Majlis Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia setiap tiga tahun.
- 12.8 Jumlah yuran keahlian yang dikutip oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia di peringkat cawangan dan daerah adalah mengikut budi bicara Majlis Jawatankuasa Kerja Cawangan dan Majlis Jawatankuasa Kerja Daerah.